



PERKEMBANGAN KECERDASAN SPIRITUAL KANAK-KANAK
PRASEKOLAH MELALUI BERMAIN

IYLIA DAYANA SHAMSUDIN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS SOSIAL
PEMBANGUNAN MANUSIA

PUSAT PENGAJIAN PSIKOLOGI DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

2013





PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Julai 2013

IYLIA DAYANA SHAMSUDIN

P60684





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya tubuh badan yang sihat, masa yang mencukupi, dan kematangan fikiran untuk mencari ilham untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia utama, Prof. Dr. Khaidzir Bin Hj. Ismail yang membantu dan membimbing saya, memberi cetusan ilham sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Suzana Mohamad Hoesni serta Pn. Sarah Waheeda Muhammad Hafiz kerana meluangkan masa memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam aspek kaedah menganalisa kajian ini.

Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM kerana menyokong dan membantu proses menjalankan kajian ini serta Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri kerana memberi keizinan menjalankan kajian di Pusat Anak Permata Negara (PAPN). Tidak lupa juga kepada para pendidik dan anak asuhan PAPN yang terlibat, terima kasih diucapkan atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian. Terima kasih juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi serta majikan Universiti Pendidikan Sultan Idris, terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia kerana memberi peluang saya meneruskan dan menampung perbelanjaan bagi pengajian serta menjalankan kajian ini dengan lancar.

Paling penting adalah ibu bapa serta keluarga saya yang banyak memberi saya ilham dan sokongan dalam menjalankan kajian ini serta membantu saya memperbaiki elemen yang terlibat baik dari segi peribadi mahupun profesionalisme sepanjang kajian dan penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Semestinya, terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya dalam menjalankan kajian ini dan menyempurnakan penulisan tesis ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa saya menjalankan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak prasekolah melalui bermain. Ini adalah kajian pemerhatian yang telah dijalankan di sebuah Pusat Anak Permata Negara (PAPN) di bawah seliaan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri bertempat di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Subjek kajian yang terlibat adalah seramai 19 orang kanak-kanak berumur daripada dua hingga lima tahun. Pemerhatian semulajadi tidak berstruktur dijalankan dalam tempoh sebulan bagi memerhatikan tingkah laku kanak-kanak berkaitan dengan kerohanian semasa bermain. Aktiviti bermain subjek kajian dirakam dan dikodkan mengikut peratusan masa menunjukkan 24 tingkah laku sepanjang tempoh aktiviti diperhatikan. Video pemerhatian dikodkan oleh dua koder dan telah dinilai kebolehppercayaan inter-rater menggunakan ujian korelasi intra-kelas. Hasil ujian menunjukkan hampir kesemua pemerhatian mempunyai nilai kebolehppercayaan pada tahap baik dan sangat baik. Menggunakan ujian statistik Mann-Whitney U dan Kruskal-Wallis H, hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan rohani dengan umur dua tahun dan empat tahun sahaja. Ujian statistik Regresi Pelbagai mendapati tiada satu faktor umur, jantina, bilangan adik beradik ataupun tahap pendidikan ibu bapa meramal secara signifikan perkembangan kecerdasan rohani kanak-kanak. Pemerhatian semasa bermain mendapati kanak-kanak seawal umur dua tahun telah menunjukkan sebahagian daripada tingkah laku berkaitan dengan kerohanian dan boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama iaitu memberi manfaat kepada pelaku dan pihak satu lagi dalam situasi tingkah laku ditunjukkan, kategori kedua adalah tingkah laku yang memberi manfaat kepada pelaku dan terakhir adalah tingkah laku yang memberi manfaat kepada pihak satu lagi dalam situasi tingkah laku ditunjukkan secara terus atau nyata tetapi manfaat kepada pelaku secara tidak terus atau nyata. Tingkah laku yang memberi manfaat kepada pelaku adalah yang paling banyak ditunjukkan oleh subjek dalam kebanyakan masa manakala tingkah laku yang memberi manfaat secara tidak terus atau nyata adalah yang paling kurang ditunjukkan. Hasil kajian ini menunjukkan perkembangan kecerdasan rohani kanak-kanak boleh dinilai melalui aktiviti bermain dengan melihat tingkah laku kanak-kanak semasa bermain. Malah, ia juga dapat menyumbang dari segi kaedah baru yang lebih sesuai dalam mengkaji kerohanian kanak-kanak dan boleh menjadi asas kepada pembentukan indeks perkembangan kecerdasan rohani kanak-kanak. Penilaian kecerdasan rohani boleh dilakukan melalui bermain, penerapan kerohanian dan pemantapan juga mungkin boleh dilakukan melalui bermain dengan mendasarinya dengan dapatan kajian ini.





SPIRITUAL INTELLIGENCE DEVELOPMENT AMONG PRESCHOOLER THROUGH PLAY

ABSTRACT

The aim of this study is prying on spiritual intelligence development among preschooler through play. This is an observational study carried out in one of Pusat Anak Permata Negara (PAPN) supervised by Early Education Unit (PERMATA), Prime Minister Department in Federal District of Putrajaya. Subjects were 19 children aged two to five years old. A naturalistic unstructured observation study has been conducted for a period of a month to observe childrens' spiritually related behaviours while playing. The play activities were recorded and coded according to percentage of time showing the twenty four behaviours through the period of activity. Observation video were coded by two coder and assessed its inter-rater reliability using intra-class correlation statistic test. Tests showed almost all observations have reliability of good or very good. Mann-Whitney U and Kruskal-Wallis H statistical tests showed only age are significantly different with spiritual intelligence development in the group of two and four years old. Multiple Regression statistical tests showed there is no factor among age, gender, number of siblings and parents education level can significantly predict spiritual intelligence development in children. Observation while playing showed children by the age of two years have shown some of the spiritually related behaviour and can be categorized into three categories. First category is gaining benefit for the one who perform it and the other parties involved in the situation, second category is the behaviour that give benefit only to the person performing the behaviour. The last category is the behaviour that give the other parties involved in the situation direct benefit whilst indirectly benefited the person who perform the behaviour. Behaviours giving the performer benefit directly was shown the most during the observations and the least shown were behaviours that indirectly benefiting the performer. Results showed childrens' spiritual intelligence development can be assessed through play by observing childrens' behaviour when they play. Furthermore, it can provide in term of new methodology that is more appropriate in studying childrens' spirituality and can be the basis of development of spiritual intelligence development index for children. Assessing spiritual intelligence can be done through play, so as nurturing and strengthening when anchoring it to this study results.



KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract (Terjemahan Abstrak)	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
Senarai Simbol	xiv
Senarai Singkatan	xv



BAB I



PENDAHULUAN



1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Kesignifikanan Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
	1.5.1 Objektif Umum	7
	1.5.2 Objektif Khusus	7
	1.5.3 Hipotesis Kajian	7
1.6	Kerangka Teoretikal Kajian	8
1.7	Kerangka Konsep Kajian	10
1.8	Definisi Konseptual	10
1.9	Definisi Operasi	11

**BAB II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kerohanian	14
2.3	Kecerdasan Spiritual	18
2.4	Keagamaan	23
2.5	Moraliti	25
2.6	Bermain	25
2.7	Perkaitan Bermain dengan Kecerdasan Spiritual	33

BAB III METOD KAJIAN

3.1	Pengenalan	37
3.2	Rekabentuk Kajian	37
3.3	Populasi	38
3.4	Persampelan	38
3.4.1	Kaedah Pensampelan	38
3.5	Kriteria Subjek dan Pemerhatian	38
3.5.1	Kriteria Inklusi	39
3.5.2	Kriteria Eksklusi	39
3.6	Alat Kajian	40
3.7	Tatacara Kajian	41
3.8	Analisis Data	47
3.8.1	Analisis Deskriptif	48
3.8.2	Analisis Kebolehpercayaan Inter-Rater (IRR)	48
3.8.3	Ujian Statistik Mann-Whitney U	48
3.8.4	Ujian Statistik Kruskal-Wallis H	48
3.8.5	Ujian Statistik Regresi Pelbagai	48



BAB IV KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Inter-Rater (IRR)	49
4.3	Analisis Deskriptif Ciri Sosiodemografi Subjek Kajian	53
4.4	Analisis Deskriptif Tingkah Laku semasa Bermain	53
4.4.1	Analisis Deskriptif Tingkah laku Bertolak Ansur	56
4.4.2	Analisis Deskriptif Tingkah laku Mengambil Berat	57
4.4.3	Analisis deskriptif tingkah laku menunjukkan kasih sayang	58
4.4.4	Analisis deskriptif tingkah laku berbelas kasihan	58
4.4.5	Analisis deskriptif tingkah laku bertimbang rasa	58
4.4.6	Analisis deskriptif tingkah laku baik hati	59
4.4.7	Analisis deskriptif tingkah laku berlaku jujur	60
4.4.8	Analisis deskriptif tingkah laku menolong	61
4.4.9	Analisis deskriptif tingkah laku mesra	62
4.4.10	Analisis deskriptif tingkah laku sopan	64
4.4.11	Analisis deskriptif tingkah laku berkongsi	65
4.4.12	Analisis deskriptif tingkah laku mendengar kata	65
4.4.13	Analisis deskriptif tingkah laku mendengar cadangan	67
4.4.14	Analisis deskriptif tingkah laku memberi cadangan	68
4.4.15	Analisis deskriptif tingkah laku menerima cadangan	69
4.4.16	Analisis deskriptif tingkah laku cermat	70
4.4.17	Analisis deskriptif tingkah laku bertanya, ingin tahu atau meneroka	70
4.4.18	Analisis deskriptif tingkah laku amanah	72
4.4.19	Analisis deskriptif tingkah laku pemurah	72
4.4.20	Analisis deskriptif tingkah laku bertanggungjawab	72



4.4.21	Analisis deskriptif tingkah laku empati	73
4.4.22	Analisis deskriptif tingkah laku tenang menghadapi masalah	73
4.4.23	Analisis deskriptif tingkah laku tenang menumpukan perhatian pada keadaan sekeliling	74
4.4.24	Analisis deskriptif tingkah laku berterima kasih	76
4.4.25	Rumusan Analisis deskriptif tingkah laku mengikut umur	76
4.5	Analisis Ujian Statistik Mann-Whitney U	76
4.6	Analisis Ujian Statistik Kruskal-Wallis H	77
4.6.1	Analisis Ujian Statistik Kruskal-Wallis antara Kecerdasan Spiritual Kanak-kanak dengan Umur	78
4.6.2	Analisis Ujian Statistik Kruskal-Wallis antara Kecerdasan Spiritual Kanak-kanak dengan Bilangan Adik Beradik	79
4.6.3	Analisis Ujian Statistik Kruskal-Wallis antara Kecerdasan Spiritual Kanak-kanak dengan Tahap Pendidikan Tertinggi Ibu Bapa	79
4.7	Analisis Ujian Statistik Regresi Pelbagai	80
4.8	Analisis Kualitatif Pemerhatian Tingkah Laku Semasa Bermain	83
BAB V	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	95
5.2	Hasil Kajian Analisis Kuantitatif	95
5.2.1	Analisis Kebolehpercayaan Inter-Rater (IRR)	95
5.2.2	Analisis Faktor Sosiodemografik Subjek	96
5.2.3	Analisis Deskriptif Tingkah Laku	97
5.2.4	Analisis Ujian Statistik Mann-Whitney U	99
5.2.5	Analisis Ujian Statistik Kruskal-Wallis H	100
5.2.6	Analisis Ujian Statistik Regresi Pelbagai	101
5.3	Analisis Kualitatif Pemerhatian Tingkah Laku Semasa Bermain	102



**BAB VI KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan	105
6.2	Rumusan Kajian	105
6.3	Implikasi Kajian	106
6.4	Kekuatan Kajian	106
6.5	Batasan Kajian	107
6.6	Cadangan Penambahbaikan untuk Kajian Akan Datang	108
RUJUKAN		109
LAMPIRAN		115
A	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	115
B	Borang Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Menyertai Kajian	116
C	Jadual Pemerhatian Harian	117





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Kajian lepas bidang bermain dan kecerdasan rohani	35
3.1	Senarai definisi tingkah laku berkaitan kecerdasan spiritual/kerohanian	42
4.1	Penanda kebolehpercayaan inter-rater berdasarkan nilai korelasi intra-kelas	50
4.2	Koefisien korelasi intra-kelas sesi pemerhatian	51
4.3	Ciri sosiodemografi subjek kajian	54
4.4	Tahap peratusan menunjukkan tingkah laku	55
4.5	Peratus menunjukkan tingkah laku bertolak ansur	56
4.6	Peratus menunjukkan tingkah laku mengambil berat, baik hati	57
4.7	Peratus menunjukkan tingkah laku menunjukkan kasih sayang, berbelas kasihan	58
4.8	Peratus menunjukkan tingkah laku bertimbang rasa	59
4.9	Peratus menunjukkan tingkah laku berlaku jujur	60
4.10	Peratus menunjukkan tingkah laku menolong	62
4.11	Peratus menunjukkan tingkah laku mesra	63
4.12	Peratus menunjukkan tingkah laku sopan	64
4.13	Peratus menunjukkan tingkah laku berkongsi	65
4.14	Peratus menunjukkan tingkah laku mendengar kata	66
4.15	Peratus menunjukkan tingkah laku mendengar cadangan	67
4.16	Peratus menunjukkan tingkah laku memberi cadangan	69
4.17	Peratus menunjukkan tingkah laku menerima cadangan	70
4.18	Peratus menunjukkan tingkah laku bertanya, ingin tahu atau meneroka	71
4.19	Peratus menunjukkan tingkah laku bertanggungjawab	73
4.20	Peratus menunjukkan tingkah laku tenang menghadapi masalah	74





4.21	Peratus menunjukkan tingkah laku menumpukan perhatian pada keadaan sekeliling	75
4.22	Perbezaan antara jantina dengan kecerdasan rohani	77
4.23	Perbezaan antara umur, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu bapa dengan kecerdasan rohani	81
4.24	Perbezaan di dalam kumpulan umur dengan kecerdasan rohani	82
4.25	Rumusan model regresi pelbagai	83
4.26	ANOVA antara kecerdasan rohani dengan faktor peramal umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan ibu bapa	83
4.27	Koefisi pemalar dan faktor peramal	83
4.28	Contoh tingkah laku kategori satu	86
4.29	Contoh tingkah laku kategori dua	88
4.30	Contoh tingkah laku kategori tiga	91
4.31	Rumusan hasil kajian berdasarkan objektif dan hipotesis kajian	94





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka konsep kajian perkembangan kecerdasan rohani melalui bermain	8
3.1	Tatacara kajian	41
4.1	Ciri sosiodemografi subjek kajian	54
4.2	Peratus menunjukkan tingkah laku bertolak ansur mengikut umur	56
4.3	Peratus menunjukkan tingkah laku mengambil berat, baik hati mengikut umur	57
4.4	Peratus menunjukkan tingkah laku menunjukkan kasih sayang, berbelas kasihan mengikut umur	59
4.5	Peratus menunjukkan tingkah laku bertimbang rasa mengikut umur	60
4.6	Peratus menunjukkan tingkah laku berlaku jujur mengikut umur	61
4.7	Peratus menunjukkan tingkah laku menolong mengikut umur	62
4.8	Peratus menunjukkan tingkah laku mesra mengikut umur	63
4.9	Peratus menunjukkan tingkah laku sopan mengikut umur	64
4.10	Peratus menunjukkan tingkah laku berkongsi mengikut umur	66
4.11	Peratus menunjukkan tingkah laku mendengar kata mengikut umur	67
4.12	Peratus menunjukkan tingkah laku mendengar cadangan mengikut umur	68
4.13	Peratus menunjukkan tingkah laku memberi cadangan mengikut umur	69
4.14	Peratus menunjukkan tingkah laku menerima cadangan mengikut umur	70
4.15	Peratus menunjukkan tingkah laku bertanya, ingin tahu atau meneroka mengikut umur	71
4.16	Peratus menunjukkan tingkah laku bertanggungjawab mengikut umur	73
4.17	Peratus menunjukkan tingkah laku tenang menghadapi masalah mengikut umur	74
4.18	Peratus menunjukkan tingkah laku menumpukan perhatian pada keadaan sekeliling mengikut umur	75





SENARAI SIMBOL

% peratus

α nilai alfa

β nilai beta

δ sisihan piawai

& dan

F pekali regresi

M min

Md median



N jumlah sampel atau kumpulan

p kebarangkalian

R indeks kekuatan korelasi

R^2 sumbangan varians

r saiz efek , nilai pekali korelasi

t nilai statistik ujian t

U nilai perbezaan

χ^2 kai kuasa dua

Z nilai skor z, perbezaan bagi ujian Mann-Whitney U





SENARAI SINGKATAN

Penggunaan Dalam Bahasa Inggeris

Age	age
ANOVA	Analysis of Variance
d.f	degree of freedom
Dr.	Doctor
ed./eds.	edition/editions; editor, edited by
et al.	(et alia): and others
etc.	(et cetera): and so forth
Edu.	education
Fact.	factor
Gr.	group
ICC	intra-class correlation
In	in
Inc.	incopration
IQ	intellectual quotient
IRR	inter-rater reliability
J.	journal
Med.	medical
p. / ps.	Adequacy page / pages
PAPN	Pusat Anak Permata Negara

Penggunaan Dalam Bahasa Melayu

Umr.	umur
ANAVA	Analisis Varian
d.k	darjah kebebasan
Dr.	Doktor
ed.	edisi, editor/ oleh penyunting
pnyt.	
et al.	dan pengarang- pengarang lain
dll.	dan lain-lain
Pend.	pendidikan
Fakt.	faktor
Kump.	kumpulan
ICC	korelasi intra-kelas
Dlm.	dalam
Pbdn.	perbadanan
IQ	kecerdasan intelek
IRR	kebolehpercayaan inter-rater
J.	jurnal
Per.	perubatan
hlm.	sampel Halaman





Ph. D	Philosophy Doctor	Ph. D	Doktor Falsafah
PLC	Private Limited Coporation	Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
PMR Menengah	Penilaian Menengah Rendah	PMR	Penilaian Rendah
SD	standard deviation	s.p	sisihan piawai
Sig.	significant	Sig.	signifikan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for the untuk Social Science	SPSS	Pakej Statistik Sains Sosial
SQ	spiritual quotient	SQ	kecerdasan rohani



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sejak Zohar dan Marshall (2000) mengemukakan teori kecerdasan yang ketiga, Kecerdasan Spiritual (*Spiritual Quotient/ Intelligent*), pengkaji dalam bidang kecerdasan, kerohanian dan juga awal kanak-kanak mula memberi perhatian kepada aspek ini dan kepentingannya bagi kanak-kanak. Law et al.(1990) menyatakan kerohanian adalah teras kehidupan. Kerohanian yang menjadikan kehidupan lebih bermakna bagi seseorang individu itu sendiri dan orang lain di sekelilingnya. Perkembangan kanak-kanak adalah sesuatu yang sangat penting bagi para pengkaji, guru, profesional dan juga ibu bapa kerana ini adalah petunjuk bagi mereka dalam memerhati, menggalakkan dan mengatur strategi dalam membesarkan anak-anak mereka. Setakat ini, perkembangan yang dititik berat tertumpu kepada perkembangan fizikal, emosi, sosial dan juga intelek kanak-kanak. Perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, sosial, intelek sudah dikaji dengan meluas oleh para pengkaji dan kini bermulalah era bagi para pengkaji meluaskan skop kajian ke arah perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak. Kerohanian sebagai aspek terpenting di dalam kehidupan seorang manusia, ia perlu dipupuk dan dibentuk ketika proses individu membesar yang tidak mendapat tempat kerana kurang pendedahan.

Pertindihan konsep antara kerohanian dengan moral dan juga keagamaan membuatkan para pengkaji serta masyarakat secara umumnya kurang menumpukan perhatian kepada subjek ini. Maksud dan konsep kerohanian terlalu mendalam sehingga



orang dewasa sukar untuk menerapkannya kepada kanak-kanak adalah perkara yang selalu didengari. Sedangkan kanak-kanak mempunyai hati yang lebih suci, masih belum penuh dengan pengaruh luaran yang memberi perspektif negatif kepada mereka dan ini adalah masa yang sangat sesuai bagi mengembangkan kecerdasan spiritual mereka.

Kerohanian merujuk kepada bagaimana individu menjalani hidup penuh bermakna dengan Yang Maha Esa, responss mereka kepada kebenaran yang mendalam tentang alam semesta (Bregman & Thierman 1995). Kecerdasan spiritual bukan semata-mata mengintegrasikan kerohanian ke dalam kecerdasan seseorang tetapi ia menggambarkan kombinasi ciri personaliti individu, proses neurologikal, keupayaan kognitif khusus, dan juga minat dan kualiti kerohanian (Maryam Hosseini, Habibah Elias, Krauss & Siti Aishah 2010). Tidak dinafikan terdapat persamaan dan pertindihan antara kerohanian dan keagamaan kerana Tillich (1957) pernah mengatakan asas keagamaan di dalam suatu konteks yang meluas dan inklusif adalah berada dalam keadaan mengambil berat hal ehwal muktamad iaitu mempunyai keghairahan atau perasaan yang mendalam tentang Yang Maha Esa, keghairahan yang tidak selari dengan motivasi manusia. Manakala kerohanian juga didefinisikan sebagai suatu ekspresi peribadi terhadap Yang Maha Esa. Kecerdasan spiritual adalah kebolehan untuk menggunakan, menunjukkan dan merangkumi sumber kerohanian, nilai-nilai dan kualiti untuk mempertingkatkan kefungsian dan kebahagiaan hidup seharian seperti yang dinyatakan Amram dan Dryer (2007).

Kecerdasan spiritual adalah salah satu komponen kerohanian. Ia ditunjukkan melalui sembilan karakter iaitu kebolehpupayaan mengadaptasi secara aktif dan spontan, kesedaran sendiri yang tinggi; keupayaan untuk menghadapi dan menangani kesusahan atau kepayahan; keupayaan menghadapi dan menguasai kesakitan; kehidupan dan alam semulajadi dirangsang oleh penglihatan dan nilai-nilai individu; ketidakmahuan melukakan atau menyakiti hati individu lain; cenderung untuk mencari hubungan antara perkara; cenderung untuk mendapatkan jawapan bagi sesuatu dan juga seorang yang berdikari (Zohar & Marshall 1999). Beberapa ciri kecerdasan spiritual ini mempunyai pertindihan, persamaan dengan ciri dan juga kepentingan bermain. Lifter dan Bloom (1998) mengatakan aspek utama dalam





bermain adalah kespontanan yang mana mempunyai persamaan dengan ciri kecerdasan spiritual yang dinyatakan oleh Zohar dan Marshall (1999). Tambah mereka lagi, pengetahuan yang kanak-kanak bina dengan apa yang dilakukan dengan permainan menyumbang kepada apa yang mereka lakukan apabila berhubungan dengan kanak-kanak lain dan orang yang menjaganya. Ini menunjukkan persamaan dengan ciri kerohanian, cenderung mencari hubungan antara perkara. Oleh sebab beberapa perkaitan dan persamaan awal yang didapati inilah yang mendasari kajian perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak melalui bermain ini.

Bermain juga dianggap penting dalam membesarkan anak-anak sepertimana yang telah dinyatakan oleh Dr. Spock (Cohen 2006). Kanak-kanak memahami alam sekeliling mereka dengan bermain dan bermain adalah kehidupan seorang kanak-kanak. Manifestasi kerohanian orang dewasa adalah melalui tindakan dan percakapannya manakala manifestasi kerohanian kanak-kanak pula boleh dilihat menerusi tindakan dan percakapannya. Perbezaannya dengan golongan dewasa adalah ianya boleh dilihat menerusi tindakan dan percakapannya ketika bermain. Tingkah laku bermain penting dan menjadi salah satu asas bermulanya ketamadunan mengikut Husinga (1949). Mengikut beliau lagi, peraturan perang, tatasusila kehidupan yang mulia terbina daripada pola bermain. Husinga pernah berkata “ketamadunan bermula dan bermain tidak pernah meninggalkannya”.

Ciri bermain adalah ketiadaan fungsi yang nyata, kesan yang menyenangkan, padat dengan perkara yang sentiasa berubah-ubah, merangsangkan, tingkah laku yang cepat dan bertenaga, sesuatu yang diperbesar-besarkan, pergerakan yang aneh dan tidak menyenangkan, lebih kepada golongan kanak-kanak dan remaja, mempunyai ‘tanda’ bermain yang tersendiri, mempunyai latar belakang peranan dalam hubungan, ketiadaan ugutan atau penyerahan diri, dan juga ketiadaan tingkah laku pemuas (Burghardt 1984).





1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Setakat ini, sudah terdapat banyak kajian yang dilakukan tentang penerapan nilai kerohanian pada anak-anak seperti amalan keagamaan tetapi masih tiada lagi kajian yang menggunakan media bermain untuk menerapkan nilai kerohanian (Barnes et al. 2000). Mengikut Selman et al. (2005), tahap kerohanian seseorang dapat memberi keupayaan pada individu untuk membezakan antara yang baik dan buruk. Mengikut Rohana, Kamarudzaman dan Roziah (2010) pembangunan potensi spiritual merupakan keperluan asas setiap insan kerana ia akan memotivasikan manusia untuk bertingkah laku dengan baik dan juga mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan persekitaran.

Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan, pakar di dalam bidang perkembangan bersepakat mengatakan terdapat sesuatu yang tidak lengkap di dalam bidang ini iaitu domain perkembangan rohani. Banyak pengkaji yang mengetengahkan kekurangan kajian berkaitan dengan keagamaan dan kerohanian (Davie 2003, Weaver et al. 2000, 1998, Paloutzian 1996 & Gorsuch 1988), kerohanian dalam kalangan remaja (Kerestes & Youniss 2003, Bridges & Moore 2002, Donelson 1999, Markston 1999, Wallace & Forman 1998, & Benson, Donahue & Erickson 1989); dan juga dalam kalangan kanak-kanak (Nye 1999, & Hay, Nye & Murphy 1996). Daripada dapatan inilah yang mendasari kajian ini kerana terdapat kekurangan dari segi kajian berkaitan kerohanian dalam kalangan kanak-kanak.

Walaupun Coles (1990) pernah menjalankan kajian tentang kerohanian dengan kanak-kanak, namun kaedah beliau adalah melalui temuramah dengan soalan-soalan yang bertanyakan secara terus berkenaan Tuhan, agama dan perkara berkaitan dengannya. Namun, sepertimana yang dicadangkan Vialle, Walton dan Woodcock (2008) melalui kajian rintis mereka, kajian dalam kalangan kanak-kanak dengan merekod reaksi spontan terhadap stimulus berkaitan dengan dunia semulajadi. Mereka menjalankan kajian dengan memberi stimulus seperti cerita, lagu, gambar, objek semulajadi sebelum mengajak kanak-kanak untuk berkongsi ide dan refleksi kanak-kanak terhadap perkara-perkara tersebut.





Walaupun bagaimanapun, masih tiada kajian yang dilakukan dalam kalangan kanak-kanak berkaitan dengan kecerdasan spiritual ataupun kerohanian menggunakan kaedah bermain sedangkan terdapat pertindihan antara kerohanian dan bermain itu sendiri. Disebabkan apa yang dilakukan oleh Vialle, Walton dan Woodcock (2008) dengan menggunakan perkara dan objek berkaitan alam semulajadi, ini mendasari kajian yang dijalankan dengan mengambil pendekatan bermain dalam seting semulajadi untuk mendapatkan respons spontan kanak-kanak yang terlibat. Tambahan pula, Carlsson-Paige (2001) ada mengatakan menjelang umur lima tahun, kanak-kanak sudah bertanya tentang Tuhan dan memformulasikan teori berkenaan makna kehidupan tetapi berdasarkan kajian Coles (1990) tidak kira umur, pengalaman atau kebudayaan mahupun keupayaan kanak-kanak tetap tertanya-tanya tentang falsafah, agama dan yang berkaitan dengannya. Malah, Rusk (1967) juga pernah mengatakan yang bermain menandakan perkembangan daripada dalam diri kanak-kanak itu sendiri tetapi masih dapat dipupuk oleh orang dewasa.



Justeru itu, kajian dijalankan bagi mengenalpasti tingkah laku kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun semasa bermain dan perkaitannya dengan kecerdasan spiritual. Melalui kajian ini juga dapat diketahui salah satu cara mengukur kecerdasan spiritual kanak-kanak melalui tingkah laku ketika bermain dan dapat dijadikan asas sebuah indeks kecerdasan spiritual kanak-kanak.

1.3 KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan kerana mengikut Law et al. (1990) kerohanian adalah teras kehidupan. Bermain adalah asas kepada refleksi sendiri, pemikiran abstrak, perkembangan komunikasi kompleks, kemahiran komunikasi, belajar untuk mengawal emosi, meneroka peranan dan juga peraturan untuk berfungsi sebagai seorang dewasa dalam masyarakat (Verenikina, Harris & Lysaght 2003). Kebanyakan kajian berkaitan kerohanian dijalankan ke atas subjek dewasa dan terdapat sangat sedikit kajian lepas berkenaan dengan perkembangan kerohanian kanak-kanak (Ault 2001).





Helminiak (1987) pernah mencadangkan lima tahap bagi perkembangan kerohanian tetapi bermula ketika usia remaja. Kajian yang dijalankan oleh Coles (1990) adalah salah satu kajian yang diterbitkan membincangkan tentang kerohanian kanak-kanak. Kajian beliau dijalankan dengan kanak-kanak daripada latar belakang yang berbeza bagi mendapatkan maklumat berkaitan kerohanian hasil daripada temubual. Kajian kepustakaan yang dijalankan mendapati tidak banyak kajian yang mengemukakan cara mengukur atau menilai perkembangan kecerdasan spiritual bagi kanak-kanak serta cara mengukurnya melalui bermain. Dengan itu, secara praktikalnya kajian ini penting dalam menyediakan kaedah penilaian dan pengukuran perkembangan kecerdasan spiritual dalam kalangan kanak-kanak menggunakan kaedah bermain. Kajian ini juga penting untuk menggunakan bermain secara praktikal dalam memupuk nilai kerohanian dan kecerdasan spiritual dalam kanak-kanak. Dengan hasil kajian yang akan dijalankan, golongan ibu bapa dan pendidik dapat memupuk nilai kerohanian di dalam diri kanak-kanak dengan lebih awal menggunakan medium bermain yang lebih mudah diterima oleh kanak-kanak.



Manakala secara teoretikal, hasil kajian ini dapat digunakan untuk melengkapkan lagi komponen bermain yang telah dinyatakan oleh para pengkaji terdahulu. Malah, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai asas kepada penambahbaikan teori bermain yang sedia ada dari segi kepentingan dan tujuan bermain bagi kanak-kanak. Tambahan lagi, teori kecerdasan spiritual didapati masih belum terbina sepenuhnya bagi kalangan kanak-kanak dan daripada hasil kajian ini dapatlah komponen teori ini bagi kanak-kanak dilengkapi lagi serta diperkukuhkan. Kajian ini juga boleh dijadikan asas kepada pembinaan indeks kecerdasan spiritual kanak-kanak.

Dapatan daripada kajian ini juga boleh menggalakkan dan memberi panduan kepada kajian akan datang sepertimana yang ditekankan oleh Roehlkepartain, Benson, King dan Wagener (2005). Malah, ia boleh membantu meletakkan perkembangan kerohanian sebagai isu yang utama di dalam bidang sains sosial termasuklah psikologi seperti matlamat yang ingin dicapai para penulis Buku Panduan Perkembangan Rohani dalam Kanak-kanak dan Remaja (2005).





1.4 PERSOALAN KAJIAN

- a. Adakah perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun boleh dikenalpasti melalui bermain?
- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa dengan perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak?
- c. Adakah faktor umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa mempengaruhi secara signifikan perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1.5.1 Objektif Umum Kajian

Mengkaji perkembangan kecerdasan spiritual dalam kalangan kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun melalui bermain.

1.5.2 Objektif Khusus Kajian

- a. Mengenalpasti perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak berusia dua hingga lima tahun melalui tingkah laku kanak-kanak semasa bermain.
- b. Mengkaji perbezaan antara perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak dengan umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa.
- c. Mengkaji faktor pengaruh umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa terhadap kecerdasan spiritual kanak-kanak.

1.5.3 Hipotesis Kajian

- a. Perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak tidak boleh diukur melalui tingkah laku semasa bermain





- b. Perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak tidak berbeza secara signifikan mengikut umur dua hingga lima tahun, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa.
- c. Perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak tidak dipengaruhi secara signifikan oleh faktor umur, jantina, bilangan adik beradik dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa.

1.6 KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN

Kajian dijalankan berdasarkan teori bermain yang dikemukakan oleh Vygotsky manakala bagi teori kecerdasan spiritual pula didasari dengan teori kecerdasan spiritual daripada Zohar dan Marshall, Emmons serta Amram dan Dryer. Bermain sepertimana yang diketengahkan oleh Vygotsky adalah suatu cara bagi memenuhi kehendak dan keperluan individu kanak-kanak. Kanak-kanak bermain menerusi situasi sama seperti orang dewasa berfikir menerusi situasi tertentu, mereka dapat melatih regulasi sendiri melalui bermain secara fantasi. Bermain fantasi juga adalah suatu manifestasi perwakilan simbolik kanak-kanak dengan menunjukkan dan mewakili objek serta ide mereka di dalam situasi bermain. Teori bermain Vygotsky meletakkan aktiviti ini sebagai satu konteks sosial yang bertanggungjawab dalam membina zon perkembangan proksimal (ZPD) kanak-kanak.

Teori ini menyatakan semasa bermain kanak-kanak selalunya bertingkah laku melangkaui umur kronologi mereka, jauh lebih tinggi daripada tingkah laku harian mereka. Bermain mengandungi segala kecenderungan perkembangan sekiranya kanak-kanak tersebut cuba untuk melangkaui melebihi keupayaan asal mereka. Beliau juga mengatakan perhubungan antara bermain dengan perkembangan boleh dibandingkan dengan perhubungan antara arahan dan perkembangan. Bermain adalah seperti arahan di dalam perkembangan. Di dalam teori ini juga mengatakan perkembangan kanak-kanak berlaku dengan bantuan daripada orang yang lebih berpengalaman. Ini berlaku dalam bermain apabila kanak-kanak mendapat bantuan dan dorongan daripada orang dewasa yang lebih berpengalaman seperti pendidik atau pengasuh dan juga daripada kanak-kanak lain yang lebih tua dan berpengalaman. Perkembangan kanak-kanak diperoleh daripada bermain disebabkan interaksi sosial





dan juga dorongan hasil daripada interaksi sosial. Teori bermain yang digunakan ini juga berpegang pada kenyataan bahawa keperluan dan insentif khas timbul pada kanak-kanak prasekolah dan ini penting bagi perkembangan kanak-kanak yang boleh ditunjukkan secara spontan semasa bermain. Daripada konteks sosial ini juga perkembangan kecerdasan rohani boleh dipupuk dalam diri kanak-kanak.

Satu lagi aspek utama kajian ini adalah kecerdasan spiritual yang diasaskan daripada kerohanian. Teori kecerdasan spiritual yang digunakan bagi mengasaskan dan menjalankan kajian ini adalah teori dikemukakan Amram (2007). Beliau mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai keupayaan untuk menggunakan sumber spiritual dan kualiti untuk menambahbaik kefungsi dan kesejahteraan sehari-hari. Berdasarkan teori ini, kecerdasan spiritual bukanlah sama dengan kerohanian tetapi ia meletakkan lebih penekanan pada keupayaan yang melihat tema kerohanian untuk meramal kefungsi dan adaptasi untuk menghasilkan sesuatu produk atau dapatan yang bernilai. Dimensi kecerdasan spiritual yang dikemukakan beliau terdiri daripada tujuh iaitu *consciousness, grace, meaning, transcendence, truth, peaceful surrender to Self, dan inner-directedness*.


Teori kecerdasan spiritual daripada Emmons (2009) yang mengatakan kerohanian mempunyai beberapa set kemahiran dan kebolehpayaan yang relevan dengan kecerdasan. Kecerdasan spiritual mengandungi beberapa keupayaan dan kebolehan yang menjadi sebahagian daripada pengetahuan kepakaran individu tersebut. Ini membolehkan kerohanian menjadi sumber maklumat bagi individu, berfungsi sebagai minat dan bakat yang membuatkan individu menjadi semakin berkemahiran dalam memproses maklumat. Emmons juga ada mengemukakan lima komponen dasar kecerdasan spiritual iaitu kebolehan untuk melangkaui dunia fizikal dan material, keupayaan untuk mengalami keadaan kesedaran yang tinggi, keupayaan untuk merasakan kesucian dalam pengalaman harian, keupayaan menggunakan sebaiknya sumber kerohanian bagi menyelesaikan masalah dan juga berkebolehan untuk menjadi manusia yang berakhlak mulia. Dimensi, komponen dan juga ciri bagi kecerdasan spiritual ini kesemuanya melibatkan bukan sahaja diri dan kuasa yang lebih agung, malah dengan orang lain dan hidupan lain di dalam dunia ini. Sosialisasi



menjadi salah satu sumber perkembangan kecerdasan spiritual ini dapat dipupuk dan sebagai salah satu cara bagi menilai samada individu memiliki kebolehan dan keupayaan yang berkaitan dengan kecerdasan spiritual.

1.7 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak melalui tingkah laku yang ditunjukkan semasa bermain serta faktor sosiodemografi yang boleh mempengaruhi perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak. Rajah 1.1 di bawah adalah kerangka konsep kajian perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak melalui bermain ini.



Rajah 1.1 Kerangka konsep kajian perkembangan kecerdasan spiritual melalui bermain

1.8 DEFINISI KONSEPTUAL

a. Kecerdasan Spiritual

Kecerdasan spiritual adalah suatu keupayaan rohani yang mana ia adalah suatu kemahiran, keupayaan, tingkah laku yang diperlukan untuk perkembangan dan mengekalkan hubungan dengan kuasa yang lebih agung dan unggul dari semua hidupan, berjaya dalam pencarian makna di dalam hidup, mencari cara atau jalan yang bermoral dan beretika untuk membimbing manusia sepanjang



kehidupan mereka dan juga bertindak berdasarkan nilai dalam diri termasuklah hubungan dengan diri sendiri dan orang lain

b. Kerohanian

Suatu cara atau gaya seseorang menjalani hidup dengan penuh bermakna dengan Yang Maha Esa, respons terhadap kebenaran yang mendalam berkenaan alam semesta.

c. Bermain

Aktiviti bertujuan untuk memenuhi kehendak dan keperluan pada masa tertentu dengan bermain bagi melatih regulasi sendiri.

1.9 DEFINISI OPERASI



a. Kecerdasan Spiritual

Kecerdasan Spiritual boleh dimaksudkan dengan kebolehan untuk menggunakan, menunjukkan dan merangkumi sumber-sumber kerohanian, nilai-nilai dan kualiti untuk mempertingkatkan kefungsiian dan kebahagiaan hidup seharian.

b. Kerohanian

Kerohanian adalah suatu konstruk yang berintegrasi antara kognitif, emosi dan juga sisi sosial (integrasi hati, minda dan jiwa) dalam memberikan makna dan tujuan bagi manusia.





c. Bermain

Bermain adalah aktiviti spontan ataupun yang telah diatur untuk mendapatkan keseronokan dan kegembiraan.

d. Pembolehubah Tak Terikat

Pembolehubah tak bersandar adalah pembolehubah yang boleh dimanipulasi, nilainya tidak bergantung pada perubahan nilai pembolehubah yang lain. Pembolehubah tak bersandar kajian ini adalah umur kanak-kanak dan tahap pendidikan ibu bapa/penjaga.

g. Pembolehubah Terikat

Pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang diukur didalam kajian dimana perubahan atau nilainya bergantung kepada nilai dan kehadiran pembolehubah tak bersandar. Pembolehubah bersandar kajian ini ialah tingkah laku semasa bermain.

h. Statistik Pentakbiran

Prosedur statistik yang mengira jumlah kemungkinan untuk mendapatkan pola data jika semua peserta atau subjek kajian diambil dari populasi yang sama dimana hipotesis nul tidak akan diterima, maka terdapat perbezaan atau hubungan bererti di antara kumpulan atau keadaan.

k. Ujian Statistik Kebolehpercayaan Inter-rater

Ujian statistik kebolehpercayaan inter-rater digunakan bagi memperoleh tahap persetujuan antara koder bagi sesuatu pengukuran atau pemerhatian. Ujian statistik Kappa Cohen dan Korelasi Intra-Kelas adalah ujian yang boleh mendapatkan nilai tahap persetujuan antara koder.





l. Ujian Statistik Mann-Whitney U

Ujian statistik Mann-Whitney U dijalankan bagi menentukan perbezaan median antara pembolehubah tidak terikat yang mempunyai dua kategori bagi data selanjar. Ujian ini juga menilai perbezaan darjat di dalam dua kategori tersebut, digunakan bagi menggantikan ujian susulan sepertimana di dalam ANOVA.

m. Ujian Statistik Kruskal-Wallis atau Ujian Kruskal-Wallis H

Ujian statistik Kruskal-Wallis dijalankan bagi menentukan perbezaan bagi tiga atau lebih kumpulan bagi pembolehubah data selanjar. Ujian ini adalah alternatif bagi analisis perbandingan varians ANOVA.

n. Ujian Statistik Regresi Pelbagai

Ujian statistik Regresi Pelbagai dijalankan bagi menentukan hubungan antara satu pembolehubah terikat dengan beberapa pembolehubah tidak terikat ataupun peramal. Ujian ini menentukan peramal yang boleh meramal sesuatu hasil atau dapatan.

